

Jalinan kerohanian, kebajikan

► MPP UMSKAL anjur Program Bulan Ramadan Bulan Persaudaraan


4B '06.02018 B2

LABUAN: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menganjurkan program Bulan Ramadan Bulan Persaudaraan (BRBP) di Masjid Al-Hikmah UMSKAL, pada Sabtu.

Pengarah Program Muhammad Syimir Rasidi berkata, Bulan Ramadan Bulan Persaudaraan adalah satu program yang dihususkan hanya pada bulan Ramadan.

Katanya, program berbentuk kerohanian dan kebajikan itu adalah hasil usaha MPP dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) dan Kelab Sahabat Al-Hikmah.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program ialah majlis



HASSAN (kanan) menerima cenderamata daripada Samsulbahri sambil diperhatikan Syimir.

berbuka puasa dan bersahur bersama-sama sejak 17 Mei hingga 2 Jun lalu selain kuliah Ramadan dan Majlis Iftar Perdana.

Beliau berkata program yang bertemakan 'Madrasah Ramadan' itu turut diisi dengan aktiviti termasuk kursus sembelihan dan majlis



AJK Pelaksana program Bulan Ramadan Bulan Persaudaraan bersama tetamu kehormat.

sembelihan atau korban serta Majlis Tadarus Al-Quran dan Khatam Al-Quran.

Turut diadakan pada majlis penutupan ialah penyampaian bantuan kepada golongan asnaf yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL)

Dr Suzilah Sidek.

Majlis itu turut diimarahkan dengan ceramah khas 'Al-Quran: Kudamba Syafaatmu' oleh penceramah bebas Ustaz Dato' Haji Hassan Mahmood Al-Hafiz.

Turut hadir pada majlis penutupan itu ialah Pensyarah

FKAL Samsulbahri Mohd Nasir, Penolong Pengarah Kanan Cawangan Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) Labuan Ustaz Mohd Zaki Mat Salleh, Eksekutif Zakat Unit Cawangan Labuan Asri Asmat serta Penolong Pegawai

Hal Ehwal Islam dan Masjid UMSKAL Ustaz Mohammad Khairul Isham Abd Latif.

Seramai 20 staf Jawi Labuan turut bersama bagi menjayakan majlis berkenaan. Selepas berbuka puasa, jemaah menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih.